

Ulasan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

NO.	ULASAN	RUJUKAN DALAM LAPORAN	ULASAN JAS
1.	Berdasarkan maklumbalas daripada Pejabat Daerah Tanah Muallim, jalan masuk ke tapak projek akan melalui jalan berturap di bawah pelaksanaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kawasan milik MB Inc, ESPEK Rubber Industry Smallholders Development Authority (ESPEK RISDA) dan JAKOA.	Jalan masuk ke tapak projek telah diubah dan akan melalui jalan balak sedia ada. Jalan masuk ini tidak melalui kawasan milik MB Inc dan ESPEK RISDA dan huraian mengenai jalan masuk telah diterangkan pada m/s 1-7. Surat kebenaran untuk Pemaju Projek melalui jalan ini juga telah dimasukkan pada Appendix 14.	
2.	Surat daripada LAP hanya menyatakan berkenaan muka sauk Sungai Slim yang belum beroperasi dan disediakan untuk menampung kapasiti sumber air mentah bagi Loji Rawatan Air Sg Geliting. Maklumbalas bertulis daripada LAP juga diperlukan bagi maklumat tahap maksimum keboleh terimaan kepekatan TSS atau NTU bagi loji tersebut. Walaupun maklumat berkenaan telah dinyatakan di dalam laporan EIA dikemaskini, namun pengesahan daripada LAP diperlukan.	Berdasarkan maklumbalas daripada pihak LAP pada Appendix 13, proses rawatan air di loji adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan. Mengikut garis panduan ini, nilai yang boleh diterima adalah 1000 NTU untuk Turbidity dan 1500 mg/l untuk TSS. Selain itu, makluman daripada pihak LAP mengatakan muka sauk Sungai Slim belum beroperasi buat masa ini. <i>Water Quality Modelling</i> bagi parameter Turbidity dan TSS juga telah disediakan pada m/s 7-21. Merujuk kepada data <i>modelling</i> tersebut, projek ini tidak memberi impak kepada muka sauk Sg Slim walaupun pada <i>worst case scenario</i> . Pihak pemaju juga akan menjalankan projek ini sebelum muka sauk ini beroperasi.	